

18 JUN 2002

Umno-Cincin

SYARIKAT BUMIPUTERA PASARKAN CINCIN BERLOGOKAN UMNO

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Sebuah syarikat bumiputera yang berpengalaman dalam penghasilan barangan kemas telah mengeluarkan pelbagai koleksi cincin dengan logo Umno sebagai satu identiti kepada anggota parti itu.

Pengerusi Cincin Warisan Sdn Bhd Datuk Mohamed Nasir Abu Hassan berkata sebanyak 23 bentuk cincin dengan pelbagai nama yang melambangkan kedudukan jawatan seorang anggota dalam parti itu telah dikeluarkan.

"Pemakaian cincin Umno bagi seluruh anggota parti akan dapat menyemai semangat kekitaan, kecintaan dan kesetiaan sesama anggota parti", katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan cincin itu semasa perhimpunan agung Umno, yang akan bermula Khamis.

Mohamed Nasir berkata syarikat itu telah mendapat hak eksklusif untuk memasarkan cincin dengan menggunakan logo Umno daripada Setiausaha Agung parti Tan Sri Khalil Yaacob.

Setakat ini, syarikat itu telah mengeluarkan 600 bentuk Cincin Umno yang berharga daripada RM190 ke atas.

Anggota Umno yang berminat boleh menempah cincin mengikut citarasa mereka dan harganya terletak kepada nilai berlian atau batu permata yang hendak diletakkan selain logam seperti emas, perak dan campuran rodium, perak bergred tinggi dan suasa.

Mohamed Nasir berkata sambutan hasil promosi yang dijalankan amat menggalakkan dan setakat ini syarikat itu yang membuka gerai jualan di Pusat Dagangan Dunia Putra, tempat berlangsungnya Perhimpunan Agung Umno, telah menerima lebih 15,000 tempahan.

Katanya pegawai pemasaran syarikat itu akan mengunjungi setiap bahagian Umno di seluruh negara bagi mempromosikan produk terbaru syarikat itu dan mereka yang berminat boleh menempah cincin itu melalui laman web syarikat di www.cincinwarisan.com.my.

Syarikat itu juga telah menjalin kerjasama dengan Kelab Pelajar di luar negara bagi memasarkan cincin itu, katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan syarikat itu Mohaned Ariff Amran Hmdi berkata pihaknya juga bercadang mengeluarkan produk lain yang berasaskan lambang Umno seperti khemah untuk disewa oleh anggota parti bagi kegunaan sesuatu majlis tidak lama lagi.

Beliau yakin potensi produk keluaran syarikat itu amat besar memandangkan Umno mempunyai 17,500 cawangan di seluruh negara.

Katanya syarikat itu juga bercadang menubuhkan Kelab Cincin Umno dengan kerjasama Puteri Umno dengan menggerakkan beberapa aktiviti.

Selain itu, syarikat juga akan menjalin kerjasama dengan Affin Bank untuk mengeluarkan kad kredit dengan logo Umno bagi kegunaan anggota parti.

-- BERNAMA

NH HS RHM